

Putin sifatkan Malaysia sahabat baik boleh diharap

UM 15 MAR 2002

MOSCOW 14 Mac — Presiden Rusia, Vladimir Putin memulakan peremuannya dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sambil menyifatkan Malaysia sebagai sahabat baik yang boleh diharapkan.

Putin juga menghargai Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir kerana memainkan peranan yang positif dalam isu-isu antarabangsa.

Pemimpin Soviet itu melahirkan penghargaan di hadapan para wartawan ketika berucap ringkas selepas berjabat salam menyambut ketibaan Dr. Mahathir ke pejabatnya di Istana Besar Kremlin di sini, hari ini.

Dr. Mahathir dalam ucapan balas menyatakan beliau telah menunaikan janji untuk melawat Rusia dan kini menghulurkan jemputan pula

kepada Putin bagi melawat Malaysia.

Mereka kemudian mengadakan perbincangan selama kira-kira 80 minit, disusuli dengan mesyuarat peringkat kerajaan yang turut dihadiri oleh lima menteri dan beberapa pegawai kanan dari Malaysia.

Pada sidang ringkas bersama selepas mesyuarat tersebut, kedua-dua pemimpin menyuarakan keyakinan bahawa hubungan dua hala antara Malaysia-Rusia akan bertambah kukuh hasil lawatan Dr. Mahathir, khususnya di bidang ekonomi.

Mereka bersetuju untuk meningkatkan hubungan dagang secara terus antara sektor swasta kedua-dua negara tanpa melalui pihak ketiga seperti yang berjalan sekarang.

Putin berkata, Rusia dan Malaysia juga bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang satelit dan kemungkinan melancarkan sebuah lagi satelit Malaysia.

Lain-lain bidang kerjasama yang akan diterokai ialah tenaga, bioteknologi, elektronik dan ketenteraan.

Kedua-dua pemimpin juga menyatakan Malaysia dan Rusia berkongsi pandangan mengenai keganasan antarabangsa.

Kata Putin, peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) hendaklah ditingkatkan dalam usaha memerangi keganasan.

Beliau juga memberitahu bahawa Rusia mengalu-alukan keputusan PBB mengiktiraf kewujudan negara Palestin. — *Utusan*